

17547-W

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

KANDUNGAN

MUKA SURAH

Laporan Pengarah	1 - 6
Penyata Pengarah	7
Perakuan Berkanun	7
Laporan Juruaudit	8 - 9
Penyata Pendapatan	10
Lembaran Imbangan	11 - 12
Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan	13 - 14
Penyata Perubahan Ekuiti	15
Penyata Aliran Tunai Disatukan	16 - 17
Penyata Aliran Tunai	18 - 19
Nota kepada Penyata Kewangan	20 - 84

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2008.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan kepada anak-anak syarikatnya.

Kegiatan utama anak-anak syarikatnya adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Nota 15 kepada penyata kewangan.

Tiadat sebarang perubahan ketara dalam kegiatan utama sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN

	Kumpulan RM	Syarikat RM
Keuntungan bersih bagi tahun	<u>5,121,267</u>	<u>2,286,078</u>
Diagihkan kepada:		
Pemegang ekuiti Syarikat	5,136,334	2,286,078
Kepentingan minoriti	<u>(15,067)</u>	<u>-</u>
	<u>5,121,267</u>	<u>2,286,078</u>

Tiada sebarang pemindahan ketara kepada atau daripada rizab-rizab atau peruntukan-peruntukan di sepanjang pada tahun kewangan.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak dipengaruhi oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat penting dan luar biasa.

DIVIDEN

Tiada dividen yang telah dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan lepas.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dividen akhir yang dikecualikan cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2008 sebanyak 3% ke atas 72,775,737 saham biasa, bersamaan dividen berjumlah RM2,183,272 (3 sen bersih sesaham biasa) akan disyorkan untuk kelulusan pemegang saham. Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak menunjukkan dividen yang dicadangkan ini. Dividen tersebut, jika diluluskan oleh pemegang saham, akan diambil kira dalam ekuiti sebagai pengagihan kerugian terkumpul bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2009.

PENGARAH

Nama-nama pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini adalah:

Tan Sri Dato' Seri Ir. Shamsuddin bin Abdul Kadir
Datuk Shahril bin Shamsuddin
Datuk Kisai bin Rahmat
Dato' Azlan bin Hashim
Dato' Mazlin bin Md Junid
Shahriman bin Shamsuddin
Ir. Md. Shah bin Hussin
Shah Hakim bin Zain
Azmi bin Hashim (pengarah gantian kepada Dato' Azlan bin Hashim)

MANFAAT PARA PENGARAH

Pada akhir tahun kewangan, mahupun pada bila-bila masa sepanjang tahun tersebut, tidak terdapat sebarang perjanjian membabitkan Syarikat yang membolehkan para pengarah memperoleh manfaat menerusi perolehan saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain, melainkan yang mungkin diperolehi daripada opsyen saham yang diberikan menerusi Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS").

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada pengarah yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah keseluruhan emolumen yang diterima atau sepatutnya diterima dan belum diterima oleh para pengarah seperti yang ditunjukkan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan, atau gaji tetap sebagai seorang kakitangan sepenuh masa Syarikat) menerusi kontrak yang dimeterai oleh Syarikat atau syarikat berkaitan, dengan mana-mana pengarah atau dengan firma yang dianggotainya atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan besar, selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 34 kepada penyata kewangan.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham dan opsyen saham Syarikat dan syarikat-syarikat yang berkaitan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan Saham Biasa RM1 sesaham			Pada 31.1.2008
	Pada 1.2.2007	Diperolehi	Dijual	
Sapura Industrial Berhad				
Tan Sri Dato' Seri Ir. Shamsuddin bin Abdul Kadir	1,661,250	-	-	1,661,250
Datuk Shahril bin Shamsuddin	1,426,875	-	-	1,426,875
Shahriman bin Shamsuddin	663,175	-	-	663,175
Ir. Md. Shah bin Hussin (termasuk saham yang dipegang oleh syarikat bersekutu)	90,498	-	-	90,498
Dato' Azlan bin Hashim	15,000	-	-	15,000

Sapura Resources Berhad

Tan Sri Dato' Seri Ir. Shamsuddin bin Abdul Kadir	55,500	-	-	55,500
Datuk Shahril bin Shamsuddin	83,250	-	-	83,250
Shahriman bin Shamsuddin	83,250	-	-	83,250

	Bilangan Saham Biasa RM1 sesaham		Pada 31.1.2008
	Pada 1.2.2007	* Dipindah	

Sapura Holdings Sdn. Bhd.

Tan Sri Dato' Seri Ir. Shamsuddin bin Abdul Kadir	11,165,626	(11,165,626)	-
Datuk Shahril bin Shamsuddin	30,147,187	-	30,147,187
Shahriman bin Shamsuddin	30,147,187	-	30,147,187

KEPENTINGAN PARA PENGARAH (SAMB.)

	Bilangan Saham Biasa RM1 Sesaham		
	Pada 1.2.2007	** Dibatalkan	Pada 31.1.2008
Sapura Technology Berhad			
Tan Sri Dato' Seri Ir. Shamsuddin bin Abdul Kadir	1,358,749	(1,358,749)	-
Datuk Shahril bin Shamsuddin	61,958	(61,958)	-
Shahrیمان bin Shamsuddin	38,625	(38,625)	-

	Bilangan Opsyen Atas Saham Biasa RM1 Sesaham			
	Pada 1.2.2007	Diberi	^ Luput	Pada 31.1.2008
Sapura Resources Berhad				
Datuk Shahril bin Shamsuddin	1,350,000	-	(1,350,000)	-

* Saham dipindahkan kepada Brothers Capital Sdn. Bhd. ("BCSB"). Pengarah dan pemegang saham BCSB adalah Datuk Shahril bin Shamsuddin dan Shahrیمان bin Shamsuddin.

** Saham dibatalkan menurut Proses Bayaran Balik Saham Terpilih Sapura Technology Berhad di bawah Seksyen 64 Akta Syarikat 1965.

^ Opsyen diberi kepada Datuk Shahril bin Shamsuddin menurut Skim Opsyen Saham Kakitangan Sapura Resources Berhad ("SRB") telah luput ekoran perubahan jawatannya daripada Pengarah Urusan kepada Pengarah Bukan Eksekutif SRB berkuatkuasa 1 Mac 2007.

Datuk Shahril bin Shamsuddin dan Shahrیمان bin Shamsuddin menerusi kepentingan mereka dalam saham syarikat induk juga dianggap berkepentingan dalam saham semua anak syarikat bagi syarikat induk setakat kepentingan yang dimiliki oleh syarikat induk.

Tiada pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan sepanjang dalam tahun kewangan.

SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN

Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") tertakluk di bawah Undang-Undang Kecil Baru yang diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Luar Biasa yang diadakan pada 12 Januari 2006.

Ciri-ciri penting dan syarat-syarat lain ESOS dinyatakan dalam Nota 22(b) kepada penyata kewangan.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum lembaran imbangan dan penyata pendapatan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
 - (i) untuk memastikan tindakan yang sewajarnya telah diambil berkaitan dengan langkah menghapus kira hutang lapuk dan membuat memperuntukkan hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk yang diketahui dan peruntukan sewajarnya telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin dapat direalisasi nilainya seperti yang dicatatkan dalam rekod perakaunan dalam urusan perniagaan biasa telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan:
 - (i) perlunya untuk menghapus kira sebarang hutang lapuk atau yang menyebabkna amaun peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi dengan ketara; dan
 - (ii) nilai yang diberikan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan sebarang keadaan yang telah timbul yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
 - (i) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan, kecuali seperti yang dinyatakan dalam Nota 33 kepada penyata kewangan.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)

(f) Pada pendapat para pengarah:

- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau mungkin berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi kewajipannya apabila liabiliti tersebut matang; dan
- (ii) tiada perkara, urusan niaga atau peristiwa penting atau luar biasa yang telah timbul dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang boleh menjejaskan secara ketara keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan yang dilaporkan..

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan tugas.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 29 Mei 2008.

Datuk Kisai bin Rahmat

Ir. Md. Shah bin Hussin

**SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)**

**PENYATA PARA PENGARAH
MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965**

Kami, Datuk Kisai bin Rahmat dan Ir. Md. Shah bin Hussin, selaku dua daripada pengarah Sapura Industrial Berhad, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 10 hingga 84 telah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan yang diguna pakai di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Januari 2008 dan hasil operasi serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 29 Mei 2008.

Datuk Kisai bin Rahmat

Ir. Md. Shah bin Hussin

**AKUAN BERKANUN
MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Liyana Lee bte Abdullah, selaku pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Sapura Industrial Berhad, sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 10 hingga 84, pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat perakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diperakui
sesungguhnya oleh penama di atas
Liyana Lee bte Abdullah
di Kajang, Selangor Darul Ehsan
pada 29 Mei 2008

Liyana Lee bte Abdullah

Di hadapan saya,

17547-W

**LAPORAN JURUAUDIT KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM
SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)**

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 10 hingga 84. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami adalah untuk memberikan pendapat bebas tentang penyata kewangan berdasarkan audit kami dan melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan Diluluskan yang diguna pakai di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada kesilapan yang ketara. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, secara ujian, bukti yang menyokong amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Audit juga melibatkan penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, dan juga penilaian pembentangan keseluruhan penyata kewangan. Kami percaya audit kami memberikan asas yang munasabah untuk memberikan pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan telah disediakan dengan wajar menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan yang diguna pakai di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang:
 - (i) kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Januari 2008 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) perkara yang diperlukan menurut Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diambilkira dalam penyata kewangan ; dan
- (b) rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang perlu disimpan menurut Akta tersebut oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya telah disimpan yang wajar menurut peruntukan Akta tersebut.

17547-W

**LAPORAN JURUAUDIT KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM
SAPURA INDUSTRIAL BERHAD (SAMB.)
(Ditubuhkan di Malaysia)**

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak-anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang wajar dan sesuai bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan memuaskan yang kami perlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan anak-anak syarikat tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak mengandungi sebarang ulasan yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174 (3) Akta tersebut.

Ernst & Young
No. AF 0039
Akauntan Berkanun

Habibah bte Abdul
No.1210/05/10(J)
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia
29 Mei 2008

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JANUARI 2008

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
		(dinyata semula)			
Hasil	3	145,357,151	166,523,692	13,308,030	5,565,809
Kos jualan		#####	(147,743,776)	-	-
Untung kasar		31,389,876	18,779,916	13,308,030	5,565,809
Lain-lain pendapatan	4	3,914,895	2,975,495	3,538,572	4,678,661
Perbelanjaan pentadbiran		(21,412,429)	(82,104,275)	(12,917,754)	(53,419,353)
Perbelanjaan jualan dan pemasaran		(828,492)	(1,071,857)	(287,735)	(251,615)
Lain-lain perbelanjaan		(117,516)	(293,022)	(88,700)	(258,800)
Untung/(rugi) operasi		12,946,334	(61,713,743)	3,552,413	(43,685,298)
Kos kewangan	5	(3,823,129)	(6,156,865)	(1,401,945)	(2,163,099)
Untung/(rugi) sebelum cukai	6	9,123,205	(67,870,608)	2,150,468	(45,848,397)
Belanja cukai pendapatan	9	(4,001,938)	(2,169,172)	135,610	-
Untung/(rugi) tahun semasa		5,121,267	(70,039,780)	2,286,078	(45,848,397)
Diperuntukkan kepada:					
Pemegang ekuiti Syarikat		5,136,334	(57,907,722)	2,286,078	(45,848,397)
Kepentingan minoriti		(15,067)	(12,132,058)	-	-
		5,121,267	(70,039,780)	2,286,078	(45,848,397)
Pendapatan/(kerugian) sesaham diperuntukkan kepada pemegang ekuiti Syarikat (sen)					
Asas/dicairkan	10	7.06	(79.57)		

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 JANUARI 2008

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
		(dinyata semula)		(dinyata semula)	
ASET					
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	12	63,910,379	72,893,835	2,555,024	3,206,412
Prabayaran pajakan tanah	13	22,143,155	23,119,381	14,986,730	15,155,664
Perbelanjaan pembangunan	14	5,238,588	6,829,389	-	-
Pelaburan dalam anak syarikat	15	-	-	28,957,878	28,957,878
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	16	-	-	-	-
Pelaburan lain	17	-	-	-	-
		<u>91,292,122</u>	<u>102,842,605</u>	<u>46,499,632</u>	<u>47,319,954</u>
Aset semasa					
Inventori	18	23,326,351	29,595,145	-	-
Jumlah dihutang oleh pihak berkaitan	19	44,664	351,241	16,024,684	5,746,900
Penghutang dan lain-lain penghutang	20	36,956,898	32,029,484	887,326	1,125,117
Dividen belum terima		-	-	21,354,992	21,590,000
Tunai dan baki bank	21	19,052,713	6,509,903	35,486	79,895
		<u>79,380,626</u>	<u>68,485,773</u>	<u>38,302,488</u>	<u>28,541,912</u>
JUMLAH ASET		<u>170,672,748</u>	<u>171,328,378</u>	<u>84,802,120</u>	<u>75,861,866</u>
EKUITI AND LIABILITI					
Ekuiti diperuntukkan kepada pemegang ekuiti Syarikat					
Modal saham	30	72,775,737	72,775,737	72,775,737	72,775,737
Premium saham		2,200,126	2,200,126	2,200,126	2,200,126
Kerugian terkumpul		(15,483,110)	(20,619,444)	#####	(45,339,394)
		<u>59,492,753</u>	<u>54,356,419</u>	<u>31,922,547</u>	<u>29,636,469</u>
Kepentingan minoriti		<u>523,965</u>	<u>539,032</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Jumlah ekuiti		<u>60,016,718</u>	<u>54,895,451</u>	<u>31,922,547</u>	<u>29,636,469</u>

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 JANUARI 2008 (SAMB.)

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
		(dinyata semula)		(dinyata semula)	
EKUITI DAN LIABILITI					
(SAMB.)					
Liabiliti bukan semasa					
Obligasi faedah					
persaraan	22(a)	1,627,727	1,454,071	145,098	167,413
Peruntukan	23	-	-	8,146,155	9,710,000
Pinjaman	24	27,593,015	35,479,633	19,072,269	12,189,345
Cukai tertunda	26	7,888,111	6,046,584	-	-
		<u>37,108,853</u>	<u>42,980,288</u>	<u>27,363,522</u>	<u>22,066,758</u>
Liabiliti semasa					
Jumlah dihutang kepada					
pihak berkaitan	27	7,442,279	5,409,662	6,762,958	6,449,594
Pemiutang perniagaan dan lain-lain					
pemiutang	28	24,339,646	17,724,119	2,132,058	2,122,046
Pinjaman	24	41,765,252	50,318,858	16,621,035	15,586,999
		<u>73,547,177</u>	<u>73,452,639</u>	<u>25,516,051</u>	<u>24,158,639</u>
Jumlah liabiliti		<u>110,656,030</u>	<u>116,432,927</u>	<u>52,879,573</u>	<u>46,225,397</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>170,672,748</u>	<u>171,328,378</u>	<u>84,802,120</u>	<u>75,861,866</u>

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JANUARI 2008**<--- Diperuntukkan kepada Pemegang Ekuiti Syarikat--->
<- Tidak Boleh Diagihkan ->

Nota	Modal Saham RM	Premium Saham RM	Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul) RM	Jumlah RM	Kepentingan Minoriti RM	Jumlah Ekuiti RM
Pada 1 Februari 2006						
Seperti dinyatakan sebelum ini	72,775,737	2,200,126	34,863,246	109,839,109	30,388,931	140,228,040
Pelarasan tahun terdahulu	2.3(d) -	-	6,063,819	6,063,819	-	6,063,819
Pada 1 Februari 2006 (dinyata semula)	<u>72,775,737</u>	<u>2,200,126</u>	<u>40,927,065</u>	<u>115,902,928</u>	<u>30,388,931</u>	<u>146,291,859</u>
Rugi pada tahun dilaporkan	-	-	(57,907,722)	(57,907,722)	(12,132,058)	(70,039,780)
Pengurangan modal	-	-	-	-	(17,717,841)	(17,717,841)
Dividen	11 -	-	(3,638,787)	(3,638,787)	-	(3,638,787)
Pada 31 Januari 2007	<u>72,775,737</u>	<u>2,200,126</u>	<u>(20,619,444)</u>	<u>54,356,419</u>	<u>539,032</u>	<u>54,895,451</u>

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JANUARI 2008 (SAMB.)**<--- Diperuntukkan kepada Pemegang Ekuiti Syarikat--->
<- Tidak Boleh Diagihkan ->

Nota	Modal Saham RM	Premium Saham RM	Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul RM	Jumlah RM	Kepentingan Minoriti RM	Jumlah Ekuiti RM
Pada 1 Februari 2007						
Seperti dinyatakan sebelum ini	72,775,737	2,200,126	(25,049,672)	49,926,191	539,032	50,465,223
Pelarasan tahun terdahulu	2.3(d) -	-	4,430,228	4,430,228	-	4,430,228
Pada 1 Februari 2007 (dinyata semula)	<u>72,775,737</u>	<u>2,200,126</u>	<u>(20,619,444)</u>	<u>54,356,419</u>	<u>539,032</u>	<u>54,895,451</u>
Untung pada tahun semasa	-	-	5,136,334	5,136,334	(15,067)	5,121,267
Pada 31 Januari 2008	<u>72,775,737</u>	<u>2,200,126</u>	<u>(15,483,110)</u>	<u>59,492,753</u>	<u>523,965</u>	<u>60,016,718</u>

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JANUARI 2008

	Nota	Modal Saham RM	Premium Saham Tak Boleh Diagihkan RM	Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Februari 2006		72,775,737	2,200,126	4,147,790	79,123,653
Rugi pada tahun semasa		-	-	(45,848,397)	(45,848,397)
Dividen	11	-	-	(3,638,787)	(3,638,787)
Pada 31 Januari 2007		72,775,737	2,200,126	(45,339,394)	29,636,469
Pada 1 Februari 2007		72,775,737	2,200,126	(45,339,394)	29,636,469
Untung pada tahun semasa		-	-	2,286,078	2,286,078
Pada 31 Januari 2008		72,775,737	2,200,126	(43,053,316)	31,922,547

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JANUARI 2008

	2008	2007
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI		
Untung/(rugi) sebelum cukai	9,123,205	(67,870,608)
Pelarasan untuk:		
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	9,870,205	15,611,394
Pelunasan prabayar pajakan tanah	249,591	249,588
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	992,477	1,566,893
Pelunasan belanja pembangunan	2,072,382	2,065,168
Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek	38,261	7,764
Pendapatan faedah	(192,284)	(361,922)
Peruntukan hutang ragu	101,994	5,498,781
Rugi tidak terealisasi bersih atas tukaran asing	2,729	135,055
Peningkatan tanggungan bagi pelan caruman wajib	221,539	215,391
Rugi bersih atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	65,929	16,021
Rugi rosot nilai atas hartanah, loji dan peralatan	-	36,563,297
Rugi rosot nilai atas prabayaran pajakan bagi tanah	-	360,640
Penurunan nilai inventori	497,267	8,937,320
Perbelanjaan faedah	3,823,129	6,156,865
Perbelanjaan pembangunan dihapus kira	222,383	10,811
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	27,088,807	9,162,458
(Peningkatan)/pengurangan penghutang	(5,585,397)	23,085,281
Pengurangan inventori	5,771,527	3,365,768
Peningkatan/(pengurangan) pemiutang	5,422,451	(22,380,375)
Perubahan bersih dalam baki pihak berkaitan	2,231,801	598,047
Tunai dihasilkan daripada operasi	34,929,189	13,831,179
Faedah dibayar	(3,823,129)	(6,156,865)
Cukai dibayar	(356,772)	(734,621)
Tunai bersih dihasilkan daripada kegiatan operasi	<u>30,749,288</u>	<u>6,939,693</u>

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JANUARI 2008 (SAMB)

	2008	2007
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(992,495)	(2,507,134)
Faedah diterima	192,284	361,922
Perolehan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	379,173	338,422
Bayaran balik modal oleh anak syarikat kepada pemegang saham minoriti	-	(16,717,841)
Perbelanjaan pembangunan ditanggung	<u>(1,309,162)</u>	<u>(1,075,686)</u>
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan	<u>(1,730,200)</u>	<u>(19,600,317)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN		
Bayaran balik bersih pinjaman berjangka	(7,505,160)	(9,806,156)
(Bayaran balik)/penggunaan bersih pinjaman jangka pendek	(6,264,000)	5,423,402
Bayaran balik pembiayaan sewa beli dan pajakan	(936,336)	(535,845)
Dividen dibayar	<u>(36,054)</u>	<u>(3,615,556)</u>
Aliran tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	<u>(14,741,550)</u>	<u>(8,534,155)</u>
PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM		
TUNAI DAN TUNAI SETARA	14,277,538	(21,194,779)
TUNAI DAN TUNAI SETARA		
PADA AWAL TAHUN	<u>395,103</u>	<u>21,589,882</u>
TUNAI DAN TUNAI SETARA		
PADA AKHIR TAHUN (NOTA 21)	<u>14,672,641</u>	<u>395,103</u>

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JANUARI 2008

	2008	2007
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI		
Untung/(rugi) sebelum cukai	2,150,468	(45,848,397)
Pelarasan untuk:		
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	410,518	491,325
Pelunasan prabayaran pajakan tanah	168,934	168,934
Pendapatan dividen	(8,577,000)	-
Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek	19,533	5,219
Pendapatan faedah	(669,754)	(518)
Perbelanjaan faedah	1,401,945	2,163,099
Peruntukan hutang ragu	1,780,973	5,881,016
Peningkatan tanggungan bagi pelan caruman wajib	25,568	20,577
Untung atas pemulangan modal anak syarikat	-	(3,629,469)
Rugi/(untung) atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	68,410	(59,231)
Rugi rosot nilai atas prabayaran pajakan	-	360,640
Rugi rosot nilai atas pelaburan dalam anak syarikat	-	27,641,250
(Masuk kira semula)/peruntukan jaminan korporat	(1,563,845)	9,710,000
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	-	50,884
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(4,784,250)	(3,044,671)
Pengurangan/(peningkatan) penghutang	205,588	(4,641)
(Pengurangan)/peningkatan pemiutang	(21,350)	954,065
Perubahan bersih dalam baki pihak berkaitan	(11,745,393)	3,400,149
Tunai (diguna dalam)/dihasilkan daripada operasi	(16,345,405)	1,304,902
Faedah dibayar	(1,401,945)	(2,163,099)
Cukai dibayar balik	167,813	-
Aliran tunai digunakan dalam kegiatan operasi	(17,579,537)	(858,197)

ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN

Dividen diterima	8,812,008	7,110,000
Faedah diterima	669,754	518
Hasil daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	370,000	233,624
Hasil bersih daripada pemulangan modal oleh anak syarikat	-	2,658,906
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(197,540)	(111,125)
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada operasi	9,654,222	9,891,923

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JANUARI 2008 (SAMB)

	2007	2007
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN		
Penggunaan/(bayaran balik) bersih pinjaman berjangka	9,279,690	(2,910,006)
Bayaran balik pembiayaan sewa beli dan pajakan	(570,093)	(182,684)
Bayaran balik bersih pinjaman jangka pendek	(466,000)	(1,500,000)
Dividen dibayar	(36,054)	(3,615,556)
Tunai bersih (dihasilkan daripada)/diguna dalam kegiatan pembiayaan	<u>8,207,543</u>	<u>(8,208,246)</u>
PENINGKATAN BERSIH TUNAI DAN		
TUNAI SETARA	282,228	825,480
TUNAI DAN TUNAI SETARA		
PADA AWAL TAHUN	<u>(1,252,831)</u>	<u>(2,078,311)</u>
TUNAI DAN TUNAI SETARA		
PADA AKHIR TAHUN (NOTA 21)	<u>(970,603)</u>	<u>(1,252,831)</u>

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan

SAPURA INDUSTRIAL BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 JANUARI 2008

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat ini adalah sebuah syarikat awam berhad, yang ditubuhkan dan berdomisil di Malaysia, dan tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Lot 2 & 4, Jalan P/11, Seksyen 10, Kawasan Perindustrian Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Syarikat pegangannya ialah Sapura Holdings Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia.

Syarikat terlibat terutamanya dalam kegiatan pegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan kepada anak syarikatnya. Kegiatan utama anak syarikat dinyatakan dalam Nota 15.

Tiada sebarang perubahan penting dari segi kegiatan utama Syarikat dalam tahun kewangan.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk penerbitan oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah pada 29 Mei 2008.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") di Malaysia. Pada awal tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Syarikat telah mengguna pakai FRS baru dan disemak, yang diwajibkan bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Februari 2007 seperti yang diterangkan sepenuhnya dalam Nota 2.3

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat juga telah disediakan atas kelaziman kos sejarah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting

(a) Anak-anak Syarikat dan Asas Penyatuan

(i) Anak-anak Syarikat

Anak-anak syarikat ialah entiti di mana Kumpulan boleh mengawal dasar kewangan dan operasinya untuk mendapatkan manfaat daripada kegiatannya. Kewujudan dan kesan hak mengundi yang kini boleh dilaksana atau diperolehi telah dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan mempunyai kuasa sedemikian ke atas entiti lain.

Dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai. Apabila pelaburan tersebut dilupuskan, perbezaan antara hasil kutipan bersih dan jumlah dibawa diambil kira dalam untung rugi.

(ii) Asas penyatuan

Penyata kewangan disatukan terdiri daripada penyata kewangan Syarikat dan anak-anak syarikatnya pada tarikh lembaran imbangan. Penyata kewangan anak-anak syarikat disediakan mengikut tarikh laporan yang sama seperti Syarikat.

Akaun anak syarikat disatukan dari tarikh pemerolehan, iaitu tarikh di mana Kumpulan memperoleh kawalan, dan terus disatukan sehingga tarikh kawalan tamat. Semasa menyediakan penyata kewangan disatukan, baki, urus niaga dan keuntungan tidak terealisasi antara kumpulan dihapus kira sepenuhnya. Dasar perakaunan seragam diguna pakai dalam penyata kewangan disatukan untuk urus niaga dan peristiwa seperti ini.

Pengambilalihan anak-anak syarikat diambil kira menggunakan kaedah pembelian. Kaedah perakaunan pengambilalihan membabitkan peruntukan kos pengambilalihan kepada nilai saksama aset diperolehi dan liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diperolehi pada tarikh pengambilalihan. Kos pengambilalihan dinilai sebagai jumlah nilai saksama aset diberikan, liabiliti ditanggung atau diterima dan instrumen ekuiti yang diterbitkan pada tarikh pertukaran, ditambah sebarang kos yang dikaitkan secara langsung dengan pengambilalihan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(a) Anak Syarikat dan Asas Penyatuan (Samb.)

(ii) Asas penyatuan (Samb.)

Sebarang lebih kos pengambilalihan berbanding kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang dikenal pasti dianggap sebagai muhibah. Sebarang lebih kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang dikenal pasti berbanding kos pengambilalihan, diiktiraf serta-merta dalam akaun untung rugi.

Kepentingan minoriti mewakili bahagian untung atau rugi dan aset bersih dalam anak syarikat yang tidak dipegang oleh Kumpulan. Ia diukur berasaskan bahagian nilai saksama minoriti dalam aset dan liabiliti anak syarikat yang boleh dikenal pasti, pada tarikh pemerolehan dan bahagian perubahan minoriti dalam ekuiti anak syarikat sejak itu.

(b) Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu ialah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh besar tetapi ianya bukan anak syarikat ataupun kepentingan dalam usaha sama. Pengaruh besar ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan tentang dasar kewangan dan operasi syarikat yang dilaburkan, tanpa mengawal atau mengawal secara bersama dasar syarikat tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan di dalam lembaran imbangan disatukan pada kos dilaraskan bagi perubahan bahagian aset bersih syarikat bersekutu selepas pengambilalihan. Bahagian untung atau rugi bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu diiktiraf dalam akaun untung rugi disatukan. Apabila terdapat perubahan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti syarikat bersekutu, Kumpulan mengiktiraf bahagian perubahan tersebut. Apabila mengguna pakai kaedah ekuiti, untung dan rugi tidak terealisasi bagi urusan niaga antara Kumpulan dan syarikat bersekutu dihapus kira setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Selepas kaedah ekuiti diguna pakai, Kumpulan menentukan sama ada perlu untuk mengiktiraf sebarang kerugian rosot nilai bagi pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Syarikat bersekutu dinilai secara ekuiti dari tarikh Kumpulan memperolehi kepentingan besar sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai kepentingan besar dalam syarikat bersekutu.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(b) Syarikat Bersekutu (Samb.)

Muhibah berkaitan syarikat bersekutu dimasukkan dalam jumlah dibawa bagi pelaburan dan tidak dilunaskan. Sebarang lebihan bahagian nilai saksama bersih Kumpulan dalam aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang boleh dikenal pasti berbanding kos pelaburan dikecualikan dalam jumlah dibawa pelaburan dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan dalam penentuan bahagian untung atau rugi Kumpulan dalam syarikat bersekutu dalam tempoh pelaburan tersebut diperolehi.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang, yang pada asasnya membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu, menyamai atau melebihi kepentingan dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian lanjut, melainkan ia telah menanggung kewajipan atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Penyata kewangan syarikat bersekutu yang telah diaudit yang terkini digunakan oleh Kumpulan dalam mengguna pakai kaedah ekuiti. Apabila tarikh penyata kewangan yang telah diaudit yang digunakan tidak sama dengan Kumpulan, bahagian keputusan diperolehi dengan mengambil kira tarikh penyata kewangan teraudit terakhir yang ada dan juga penyata kewangan pengurusan sehingga akhir tempoh perakaunan. Dasar perakaunan seragam digunakan untuk urus niaga dan keadaan yang sama sepertinya.

(c) Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan diukur berasaskan pengiktirafan awal pada nilai kos. Kos aset tidak ketara yang diperolehi dalam sesebuah gabungan perniagaan adalah nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan. Selepas pengiktirafan awal, aset tidak ketara dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Hayat guna aset tidak ketara ditaksirkan sebagai terhad atau tidak terhad. Hayat guna aset tidak ketara dilunaskan secara garis lurus sepanjang hayat guna ekonomi yang dianggarkan dan dinilai untuk sebarang rosot nilai apabila terdapat petanda bahawa nilai aset tidak ketara mungkin terjejas. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan hayat guna terhad dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh lembaran imbalan.

Aset tidak ketara dengan hayat guna tidak terhad tidak dilunaskan tetapi diuji untuk rosot nilai setiap tahun atau lebih kerap jika sesuatu peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mereka mungkin terjejas sama ada secara individu atau di peringkat unit penajaan tunai. Hayat guna aset tidak ketara dengan hayat tidak terhad dikaji semula secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat gunanya masih boleh disokong.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(c) Aset Tidak Ketara (Samb.)

(i) Kos Penyelidikan dan Pembangunan

Semua kos penyelidikan diiktiraf di dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

Perbelanjaan yang ditanggung dalam projek untuk membangunkan produk baru dimodalkan dan ditunda hanya apabila Kumpulan boleh membuktikan bahawa proses menyempurnakan aset tidak ketara tersebut supaya ia sedia untuk digunakan atau dijual berdaya maju dari segi teknikal, hasrat untuk melengkapkan dan keupayaan untuk menggunakan atau menjual aset, cara aset akan menjana manfaat ekonomi masa depan, adanya sumber untuk menyempurnakan projek dan keupayaan membuat ukuran belanja dalam pembangunan dengan tepat. Perbelanjaan pembangunan produk yang tidak memenuhi kriteria tersebut ditetapkan sebagai perbelanjaan apabila ditanggung.

Kos pembangunan, yang dianggap mempunyai hayat guna terhad dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian rosot nilai dan dilunaskan atas dasar garis lurus sepanjang hayat guna komersil produk asas yang tidak melebihi lima tahun. Rosot nilai dianggap berlaku apabila terdapat tanda rosot nilai dan tempoh dan kaedah pelunasan juga dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh lembaran imbangan.

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Semua butiran dalam hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dicatatkan pada kos. Kos selanjutnya dimasukkan dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, jika wajar, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan aset tersebut akan diperolehi oleh Kumpulan dan kos aset tersebut boleh dinilai dengan cara yang boleh dipercayai. Jumlah dibawa bagi alat yang diganti dihapus kira. Semua pembaikan dan penyenggaraan lain diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tempoh kewangan ia ditanggung.

Selepas diiktiraf, hartanah, loji dan peralatan, kecuali tanah hak milik kekal, dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakunan Penting (Samb.)

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai (Samb.)

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan dibuat secara garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai bakinya sepanjang hayat guna jangkaannya, pada kadar tahunan yang berikut:

Bangunan	2%
Loji, mesin, pemasangan elektrik, peralatan kilang dan alat aplikasi	10% to 33%
Perabot, kelengkapan, alat pejabat, pengubahsuaian, komputer dan kenderaan bermotor	8% to 25%

Nilai baki, hayat guna dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan untuk memastikan jumlah, kaedah dan tempoh susut nilai adalah konsisten dengan anggaran masa lalu dan corak penggunaan yang dijangka bagi manfaat ekonomi masa depan yang dipaparkan bagi aset hartanah, loji dan peralatan. .

Sesuatu aset hartanah, loji dan peralatan dihapus kira selepas dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka akan diperolehi daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil kutipan bersih, jika ada dan jumlah dibawa bersih diiktiraf dalam akaun untung rugi.

(e) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Amaun dibawa bagi aset Kumpulan, selain daripada inventori dan aset cukai tertunda, dinilai semula pada setiap tarikh lembaranimbangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda rosot nilai. Jika tanda sedemikian wujud, jumlah boleh diperolehi bagi aset dianggarkan untuk menentukan kerugian rosot nilai.

Bagi aset tidak ketara yang mempunyai hayat guna tak terhad dan aset tidak ketara yang masih belum sedia untuk digunakan, jumlah boleh diperolehi untuknya dianggarkan pada setiap tarikh lembaranimbangan atau lebih kerap apabila terdapat tanda rosot nilai.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(e) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Samb.)

Untuk tujuan menguji rosot nilai aset tersebut, jumlah boleh diperolehi ditentukan atas dasar aset individu berasingan melainkan jika aset itu tidak menghasilkan aliran tunai apabila ia bebas daripada aset lain. Jika ini berlaku, jumlah boleh diperolehi ditentukan bagi Unit Penjanaan Tunai ("CGU") aset tersebut. Muhibah yang diperolehi daripada gabungan perniagaan, dari tarikh pemerolehan, diperuntukkan kepada setiap CGU Kumpulan, atau kumpulan-kumpulan CGU yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi gabungan, tidak kira sama ada aset atau liabiliti lain dalam Kumpulan diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan-kumpulan unit tersebut.

Amaun boleh diperolehi bagi sesuatu aset ialah nilai saksama aset atau CGU ditolak kos jualan atau nilai gunaannya, yang mana lebih tinggi. Semasa mentaksir nilai gunaannya, aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun untuk mendapatkan nilai kini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian semasa oleh pasaran tentang nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset tersebut. Apabila jumlah dibawa aset melebihi jumlah yang boleh diperolehi untuknya, aset dianggap telah mengalami rosot nilai dan diturun nilai kepada jumlah yang boleh diperolehi. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf bagi CGU atau kumpulan CGU terlebih dahulu diperuntukkan untuk mengurangkan nilai dibawa sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit atau kumpulan unit, dan kemudian untuk mengurangkan nilai dibawa aset lain dalam unit atau kumpulan unit atas dasar prorata.

Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung rugi dalam tempoh di mana kemerosotan nilai berlaku.

Sesuatu kerugian rosot nilai bagi sesuatu aset dibalikkan jika dan hanya jika terdapat perubahan anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperolehi bagi sesuatu aset sejak kerugian rosot nilai masa lalu diiktiraf. Jumlah dibawa bagi aset dinaikkan kepada nilai boleh diperolehi yang disemak, dengan syarat jumlah ini tidak melebihi jumlah dibawa yang sepatutnya (selepas memotong pelunasan atau susut nilai) jika tiada kerugian rosot nilai diiktiraf bagi aset pada tahun-tahun terdahulu. Pembalikan kerugian rosot nilai bagi aset selain daripada muhibah diiktiraf dalam akaun untung rugi.

(f) Inventori

Inventori dinyatakan pada kos atau nilai boleh realis bersih, yang mana lebih rendah.

Kos ditentukan menggunakan kaedah purata wajaran. Kos bahan mentah terdiri daripada kos pembelian. Kos bahan siap dan kerja dalam proses terdiri daripada bahan mentah, buruh langsung dan lain-lain kos langsung, dan nilai overhead pengeluaran dalam perkadaran yang sewajarnya.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(f) Inventori (Samb.)

Nilai boleh realis bersih ialah harga jualan anggaran dalam urusan perniagaan biasa ditolak kos penyediaan yang dianggarkan dan kos anggaran yang perlu untuk menyempurnakan jualan.

(g) Instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbalan apabila Kumpulan menjadi salah satu pihak dalam kontrak instrumen tersebut.

Instrumen-instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut asas perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai belanja atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti dimasukkan terus dalam ekuiti. Instrumen kewangan diimbangi apabila Kumpulan mempunyai hak yang boleh dikuatkuasa di bawah undang-undang dan bercadang untuk menjelaskannya atas dasar bersih atau merealisasikan aset dan menjelaskan liabiliti secara serentak.

(i) Tunai dan Tunai Setara

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan tunai setara termasuk tunai di tangan dan di bank dan deposit panggilan yang mempunyai risiko perubahan nilai kecil, selepas ditolak overdraf bank tertunggak.

(ii) Lain-lain Pelaburan bukan Semasa

Pelaburan bukan semasa selain daripada pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Apabila sesuatu pelaburan dilupuskan, perbezaan antara hasil kutipan bersih dan jumlah dibawa diiktiraf dalam untung rugi.

(iii) Penghutang

Penghutang dibawa pada nilai boleh realis yang dianggarkan. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan penilaian semula semua jumlah belum jelas pada tarikh lembaran imbalan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(g) Instrumen Kewangan (Samb.)

(iv) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos, iaitu nilai saksama pertimbangan yang perlu dibayar pada masa depan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(v) Pinjaman dan Hutang Yang Dikenakan Faedah

Semua hutang dan pinjaman pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama pertimbangan yang diterima, ditolak kos urus niaga yang dikaitkan secara langsung dengannya. Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan hutang yang dikenakan faedah seterusnya dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

(vi) Instrumen Ekuiti

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen atas saham biasa diiktiraf dalam ekuiti pada tempoh perisytiharannya.

Kos urus niaga bagi sesuatu urus niaga ekuiti diambil kira sebagai pemotongan daripada ekuiti, ditolak cukai. Kos urus niaga ekuiti membabitkan hanya kos luar tambahan yang dikaitkan secara langsung dengan urus niaga ekuiti berkenaan, yang tidak ditanggung jika urus niaga tidak dilaksanakan.

Pertimbangan yang dibayar, termasuk kos urus niaga yang berkaitan dengan pembelian semula saham biasa Syarikat yang tidak dibatalkan, diklasifikasikan sebagai saham perbendaharaan dan dibentangkan sebagai pemotongan daripada ekuiti. Untung atau rugi tidak akan diiktiraf dalam akaun untung rugi bagi jualan, penerbitan semula atau pembatalan saham perbendaharaan. Apabila saham perbendaharaan diterbitkan semula untuk dijual, perbezaan antara pertimbangan jualan dan jumlah dibawa diiktiraf dalam ekuiti.

(h) Pajak

(i) Klasifikasi

Sesuatu pajak diiktiraf sebagai pajak kewangan jika ia memindahkan sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran yang dikaitkan dengan pemilikan kepada Kumpulan. Pajak tanah dan bangunan diklasifikasikan sebagai pajak operasi atau kewangan dengan cara yang sama pajak bagi aset lain dan unsur bangunan dan tanah sesuatu pajak dipertimbangkan secara berasingan untuk tujuan klasifikasi pajak. Semua pajak yang tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran diklasifikasi sebagai pajak operasi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(h) Pajak (Samb.)

(ii) Pajak kewangan - Kumpulan sebagai Penerima Pajak

Aset-aset yang diperolehi menerusi sewa beli atau pajak kewangan dinyatakan pada jumlah bersamaan nilai saksama atau nilai kini bayaran pajak minimum pada permulaan pajak ditolak susut nilai dan kerugian rosot nilai, yang mana lebih rendah. Liabiliti yang berkaitannya dicatatkan dalam lembaran imbalan sebagai pinjaman. Apabila mengira nilai kini bayaran pajak minimum, faktor diskaun yang digunakan ialah kadar faedah tersirat dalam pajak, jika ia boleh ditentukan secara praktikal; jika tidak kadar pinjaman tambahan Syarikat digunakan. Sebarang kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah dibawa bagi aset tersebut.

Bayaran pajak dibahagikan antara kos kewangan dan pengurangan liabiliti yang belum jelas. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan antara jumlah komitmen pajak dan nilai saksama aset diperolehi, diiktiraf dalam akaun untung rugi sepanjang tempoh pajak yang berkenaan agar menghasilkan kadar caj berkala yang tetap bagi baki tanggungan untuk setiap tempoh perakaunan.

Dasar susut nilai bagi aset yang dipajak adalah mengikut kadar yang sama dengan hartanah, loji dan peralatan yang boleh disusut nilai seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.2(d).

(iii) Pajak Operasi - Kumpulan sebagai Penerima Pajak

Bayaran pajak operasi diiktiraf sebagai belanja atas dasar garis lurus sepanjang tempoh sewa yang berkenaan. Keseluruhan manfaat insentif yang diberikan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan dalam belanja sewa sepanjang tempoh sewa, atas dasar garis lurus.

Dalam kes pajak tanah dan bangunan, bayaran pajak minimum atau bayaran muka yang dibuat, diperuntukkan di mana perlu, antara unsur tanah dan bangunan secara bersekadar dengan nilai saksama relatif kepentingan pajak dalam unsur tanah dan unsur bangunan pajak pada permulaan sewa. Bayaran muka mewakili prabayaran pajak dan dilunaskan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajak.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(i) Kos Pinjaman

Seluruh kos pinjaman diiktiraf dalam akaun untung rugi dalam tempoh tanggungannya.

(j) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan atas untung atau rugi pada tahun dilaporkan terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar berasaskan keuntungan boleh dicukai pada tahun dilaporkan dan dikira berasaskan kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai tidak digunakan selagi terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan diperolehi untuk menggunakan perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai tidak digunakan tersebut. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau jumlah sebarang lebihan kepentingan syarikat pemeroleh dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka boleh dikenal pasti syarikat yang diperolehi berbanding kos penggabungan atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan gabungan perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak mempengaruhi keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka berkuatkuasa dalam tempoh aset direalisasi dan liabiliti dijelaskan, berasaskan kadar cukai yang berkuatkuasa atau berkuatkuasa secara substantif pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan diambil kira dalam akaun untung rugi dalam tempoh dilaporkan, kecuali apabila ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dan dalam kes tersebut cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, atau apabila timbul daripada gabungan perniagaan yang berbentuk pemerolehan, dalam kes tersebut cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah yang timbul atau jumlah sebarang lebihan kepentingan syarikat pemeroleh dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka boleh dikenal pasti syarikat yang diperolehi berbanding kos penggabungan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(k) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai tanggungan semasa daripada satu peristiwa masa lalu dan terdapat kemungkinan berlaku aliran keluar sumber dalam bentuk manfaat ekonomi yang perlu untuk menjelaskan tanggungan tersebut, dan anggaran yang boleh dipercayai boleh dibuat terhadap jumlah tersebut. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbangan dan dilaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Apabila kesan nilai masa dianggap penting, peruntukan didiskaun menggunakan kadar sebelum cukai semasa yang mencerminkan, di mana sesuai, risiko yang khusus kepada liabiliti. Apabila kaedah diskaun digunakan, pertambahan peruntukan kerana peredaran masa diiktiraf dalam kos kewangan.

Peruntukan bagi kos penyusunan semula diiktiraf apabila rancangan penyusunan semula yang terperinci dan formal telah diluluskan dan penyusunan semula telah bermula atau diumumkan kepada orang ramai. Kos berkaitan dengan kegiatan berterusan tidak diperuntukkan..

(l) Manfaat Kakitangan

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan. Ketidakhadiran jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan kelayakan mereka untuk ketidakhadiran berbayar masa depan, dan ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan Caruman Yang Ditetapkan

Pelan caruman yang ditetapkan ialah pelan caruman persaraan yang mensyaratkan Kumpulan mencarum secara tetap ke dalam entiti atau dana berasingan dan tidak akan mempunyai tanggungan perundangan atau konstruktif untuk membayar caruman lanjut jika mana-mana dana tidak mempunyai aset secukupnya untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan pada tahun semasa dan tahun kewangan sebelumnya. Caruman tersebut diiktiraf sebagai belanja dalam untung rugi apabila ditanggung. Seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang, syarikat di Malaysia membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(i) Manfaat Kakitangan (Samb.)

(iii) Pelan Manfaat Terkhusus

Kumpulan mengendalikan Skim Manfaat Persaraan terkhusus yang tidak dibiayai ("Skim") bagi kakitangannya yang layak. Kewajipan Kumpulan di bawah Skim ini, yang dikira menggunakan Kaedah Unjuran Unit Kredit, ditentukan berasaskan pengiraan aktuari oleh aktuari bebas, di mana jumlah manfaat yang diperolehi oleh kakitangan sebagai pertimbangan bagi perkhidmatan mereka pada tahun semasa dan tahun-tahun terdahulu dianggarkan. Manfaat tersebut didiskaun untuk menentukan nilai kininya. Keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan sepanjang baki hayat kerja purata kakitangan yang turut serta, apabila keuntungan atau kerugian aktuari terkumpul tidak diiktiraf bagi Skim melebihi 10% daripada nilai kini kewajipan manfaat terkhusus atau nilai saksama aset dalam pelan, yang mana lebih tinggi. Kos perkhidmatan masa lalu diiktiraf serta-merta selagi manfaatnya telah diletakkan hak, dan jika tidak, dilunaskan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh purata sehingga berlaku letak hak bagi manfaat yang dipinda.

Amaun yang diiktiraf dalam lembaran imbangan mewakili nilai kini obligasi manfaat terkhusus yang dilaraskan bagi keuntungan atau kerugian aktuari tidak diiktiraf dan kos perkhidmatan lalu tidak diiktiraf dan dikurangkan oleh nilai saksama aset dalam pelan. Sebarang aset yang timbul daripada pengiraan ini dihadkan kepada jumlah bersih sebarang kerugian aktuari boleh diiktiraf dan kos perkhidmatan lalu, dan nilai kini sebarang manfaat ekonomi dalam bentuk pembayaran balik atau pengurangan caruman masa depan ke dalam pelan.

(iv) Pampasan Berasaskan Saham

Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") Sapura Industrial Berhad, sebuah pelan pampasan berasaskan saham dengan penjelasan ekuiti, membolehkan kakitangan Kumpulan membeli saham biasa Syarikat. Amaun nilai saksama opsyen saham yang diberi kepada kakitangan diiktiraf sebagai kos kakitangan dengan peningkatan setara dalam rizab opsyen saham di dalam ekuiti sepanjang tempoh letak hak dan juga mengambil kira kebarangkalian opsyen tersebut terletak haknya. Amaun nilai saksama opsyen saham dinilai pada tarikh pemberian, selepas mengambil kira sebarang syarat letak hak pasaran apabila opsyen diberi, tetapi tidak termasuk kesan syarat peletakan hak bukan pasaran. Syarat letak hak bukan pasaran dimasukkan dalam andaian tentang bilangan opsyen yang dijangka boleh dilaksanakan pada tarikh letak hak.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(l) Manfaat Kakitangan (Samb.)

(iv) Pampasan Berasaskan Saham (Samb.)

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Kumpulan menyemak anggarannya bagi bilangan opsyen yang dijangka boleh dilaksanakan pada tarikh letak hak. Kesan semakan anggaran asal diiktiraf, jika ada, dalam akaun untung rugi dan penyelarasan setara dalam ekuiti sepanjang tempoh letak hak turut dibuat. Jumlah ekuiti diiktiraf dalam rizab opsyen saham sehingga opsyen dilaksana, dan seterusnya akan dipindahkan ke premium saham, atau sehingga ia luput, di mana ia dipindah terus ke pendapatan terkumpul.

Hasil yang diterima, selepas ditolak kos urus niaga, dikreditkan kepada modal saham apabila opsyen saham dilaksana.

(v) Manfaat Pemberhentian

Manfaat pemberhentian perlu dibayar apabila pekerjaan ditamatkan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila seseorang kakitangan berhenti secara sukarela atas sebab kelewahan tenaga kerja sebagai balasan kepada manfaat yang diberikan. Kumpulan mengiktiraf manfaat pemberhentian pekerja sebagai liabiliti dan belanja apabila sudah ada komitmen jelas untuk menamatkan pekerjaan kakitangan sedia ada berasaskan pelan terperinci tanpa kemungkinan menarik balik manfaat tersebut, atau memberikan manfaat pemberhentian menerusi tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian secara sukarela. Dalam kes tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian sukarela, penilaian manfaat pemberhentian adalah berasaskan bilangan kakitangan yang dijangka menerima tawaran. Manfaat yang perlu dibayar lebih daripada dua belas bulan selepas tarikh lembaran imbangan didiskaun kepada nilai kininya..

(m) Mata Wang Asing

(i) Mata Wang Fungsian dan Pembentangan

Penyata kewangan berasingan setiap entiti dalam Kumpulan dinilai menggunakan mata wang dalam persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang fungsian Syarikat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Kewangan Penting (Samb.)

(m) Mata Wang Asing (Samb.)

(ii) Urus Niaga Mata Wang Asing

Semasa menyediakan penyata kewangan bagi entiti berasingan, urus niaga dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian entiti (mata wang asing) dicatatkan dalam mata wang fungsian menggunakan kadar tukaran asing yang diguna pakai pada tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh lembaran imbangan, urus niaga kewangan yang dinyatakan dalam mata wang asing diterjemahkan semula pada kadar yang diguna pakai pada tarikh lembaran imbangan. Urus niaga bukan kewangan dibawa pada nilai saksama yang disebutkan dalam mata wang asing, diterjemah semula pada kadar yang diguna pakai pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Urus niaga bukan kewangan yang dinilai mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak diterjemah semula.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada penjelasan urus niaga kewangan, dan atas penterjemahan semula urus niaga kewangan dimasukkan dalam akaun untung rugi dalam tempoh dilaporkan.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada penterjemahan semula urus niaga bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dimasukkan dalam akaun untung rugi dalam tempoh dilaporkan kecuali perbezaan yang timbul daripada penterjemahan semula perkara bukan kewangan bagi untung dan rugi diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan tukaran yang timbul daripada perkara bukan kewangan tersebut juga diiktiraf dalam ekuiti.

(n) Pengiktirafan Hasil

Hasil diiktiraf setakat kemungkinan adanya manfaat ekonomi diperolehi oleh Kumpulan dan hasil ini boleh dinilai dengan cara yang boleh dipercayai. Kriteria pengiktirafan khusus berikut perlu dipatuhi sebelum hasil diiktiraf:

(i) Jualan Barangan

Hasil diiktiraf selepas ditolak cukai jualan dan selepas pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan yang ketara kepada pembeli. Hasil tidak diiktiraf jika terdapat ketidakpastian ketara tentang kutipan pertimbangan yang perlu dibayar, kos berkaitannya atau kemungkinan barangan dipulangkan.

(ii) Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akruan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Rumusan Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(n) Pengiktirafan Hasil (Samb.)

(iii) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akruan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iv) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak Kumpulan untuk menerima bayaran ditentukan.

(v) Yuran Pengurusan

Yuran pengurusan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan..

2.3 Perubahan Dasar Perakaunan dan Kesan Yang Timbul Selepas Menggunakan FRS Baru dan Disemak

Pada 1 Februari 2007, Kumpulan dan Syarikat mengguna pakai FRS baru dan disemak semula berikut dan Pindaan kepada FRS yang wajib bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Februari 2007:

FRS 6	Penerokaan dan Penilaian Sumber Mineral
FRS 117	Pajakan
FRS 124	Pendedahan Pihak Berkaitan
Pindaan kepada FRS 119 ₂₀₀₄	Manfaat Kakitangan - Untung Rugi Aktuari, Rancangan dan Pendedahan Kumpulan

Selain itu, Kumpulan telah mengguna pakai Pindaan kepada FRS 112 Cukai Pendapatan lebih awal bagi tempoh kewangan bermula pada 1 Februari 2007.

FRS 6 tidak berkaitan dengan operasi Kumpulan dan Syarikat.

Penggunaan FRS 124 yang disemak semula dan Pindaan kepada FRS 119₂₀₀₄ tidak menyebabkan perubahan ketara dalam dasar perakaunan Kumpulan dan Syarikat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Perubahan Dasar Perakaunan dan Kesan Yang Timbul Selepas Menggunakan FRS Baru dan Disemak (Samb.)

Kesan yang timbul daripada penggunaan FRS 117 baru dan pindaan kepada FRS 112 dibincangkan di bawah:

(a) FRS 117: Pajakan

Sebelum 1 Februari 2007, tanah pegangan pajak diklasifikasikan sebagai hartanah, loji dan peralatan dan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Penggunaan FRS 117 telah menyaksikan perubahan dalam dasar perakaunan berkaitan dengan klasifikasi pajakan tanah.

Tanah pegangan pajak yang dipegang untuk kegunaan sendiri diklasifikasikan sebagai pajakan operasi dan bayaran muka mewakili prabayaran pajakan dan dilunaskan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Kumpulan dan Syarikat telah menggunakan perubahan dalam dasar perakaunan berkenaan dengan tanah pegangan pajak menurut peruntukan sementara FRS 117. Pada 1 Februari 2007, jumlah tidak dilunaskan bagi tanah pegangan pajak dikekalkan sebagai jumlah dibawa gantian bagi prabayaran pajakan seperti yang dibenarkan oleh peruntukan sementara.

Klasifikasi semula tanah pegangan pajak sebagai prabayaran pajakan telah diambil kira secara retrospektif dan didedahkan dalam Nota 2.3(d). Angka perbandingan tertentu telah dinyatakan semula. Kesan ke atas lembaran imbangan pada 31 Januari 2008 dibentangkan dalam Nota 2.3(c). Tiada kesan ke atas penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Januari 2008.

(b) Pindaan kepada FRS 112: Cukai Pendapatan

Kumpulan telah membuat pilihan menggunakan Pindaan kepada FRS 112 lebih awal bagi tempoh kewangan bermula 1 Februari 2007 dan sejajar dengan itu, cukai tertunda atas elaun pelaburan semula belum diserap kini diiktiraf setakat terdapat kemungkinan bahawa wujud keuntungan boleh dicukai untuk digunakan bagi menolak elaun pelaburan semula yang belum diserap.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

2.3 Perubahan Dasar Perakaunan dan Kesan Yang Timbul Selepas Menggunakan FRS Baru dan Disemak (Samb.)

(b) Pindaan kepada FRS 112: Cukai Pendapatan (Samb.)

Perubahan dalam dasar perakaunan ini telah diambil kira secara retrospektif dan didedahkan dalam Nota 2.3(d). Angka perbandingan tertentu telah dinyatakan semula. Kesan ke atas lembaran imbangan disatukan pada 31 Januari 2008 dan penyata pendapatan disatukan bagi tahun berakhir 31 Januari 2008 dinyatakan dalam Nota 2.3(c). Perubahan dalam dasar perakaunan ini tidak memberi kesan ke atas penyata kewangan Syarikat.

(c) Ringkasan kesan dan perubahan yang timbul daripada penggunaan FRS yang dipinda dan diguna pakai

Setakat mana setiap butiran dalam lembaran imbangan dan penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Januari 2008 adalah lebih tinggi dan lebih rendah daripada angka semasa sekiranya dasar lama diguna pakai pada tahun semasa adalah seperti berikut:

Kesan ke atas lembaran imbangan pada 31 Januari 2008:

Butiran perubahan	<----- Peningkatan/(Pengurangan) ----->		Jumlah RM
	FRS 117 Nota 2.3(a) RM	Pindaan kepada FRS 112 Nota 2.3(b) RM	
Kumpulan			
Hartanah, loji and peralatan	(22,143,155)	-	(22,143,155)
Prabayaran untuk pajakan tanah	22,143,155	-	22,143,155
Liabiliti cukai tertunda	-	(1,938,159)	(1,938,159)
Keuntungan terkumpul	-	1,938,159	1,938,159
Jumlah ekuiti	-	1,938,159	1,938,159
Syarikat			
Hartanah, loji dan peralatan	(14,986,730)	-	(14,986,730)
Prabayaran untuk pajakan tanah	14,986,730	-	14,986,730

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Perubahan Dasar Perakaunan dan Kesan Yang Timbul Selepas Menggunakan FRS Baru dan Disemak (Samb.)

- (c) Ringkasan kesan dan perubahan yang timbul daripada penggunaan FRS yang dipinda dan disemak

Kesan ke atas penyata pendapatan disatukan bagi tahun berakhir 31 Januari 2008:

Butiran perubahan	Peningkatan/ (Pengurangan) Pindaan kepada FRS 112 Nota 2.3(b) RM
Belanja cukai pendapatan	(2,492,069)
Untung bagi tahun semasa	2,492,069
Pendapatan sesaham (sen):	
Asas	3.42
Dicairkan	3.42
	<u>3.42</u>

(d) Penyataan Semula Angka Perbandingan

Angka perbandingan Kumpulan dan Syarikat berikut telah dinyatakan semula selepas mengguna pakai FRS yang dipinda dan disemak:

Butiran perubahan	Dinyatakan Semula Sebelum Ini RM	FRS 117 Nota 2.3(a) RM	Pindaan kepada FRS 112 Nota 2.3(b) RM	Dinyata semula RM
Pada 1 Februari 2006:				
Kumpulan				
Keuntungan terkumpul	34,863,246	-	6,063,819	40,927,065
	<u>40,927,065</u>			

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Perubahan Dasar Perakaunan dan Kesan Yang Timbul Selepas Menggunakan FRS Baru dan Disemak (Samb.)

(d) Penyataan Semula Angka Perbandingan (Samb.)

Butiran perubahan	Dinyata Semula Sebelum Ini RM	FRS 117 Nota 2.3(a) RM	Pindaan kepada FRS 112 Nota 2.3(b) RM	Dinyata Semula RM
Pada 31 Januari 2007:				
Kumpulan				
Hartanah, loji dan peralatan	96,013,216	(23,119,381)	-	72,893,835
Prabayaran untuk pajakan tanah	-	23,119,381	-	23,119,381
Liabiliti cukai tertunda	10,476,812	-	(4,430,228)	6,046,584
Kerugian terkumpul	(25,049,672)	-	4,430,228	(20,619,444)
Jumlah ekuiti	<u>50,465,223</u>	-	<u>4,430,228</u>	<u>54,895,451</u>
Syarikat				
Hartanah, loji dan peralatan	18,362,076	(15,155,664)	-	3,206,412
Prabayaran untuk pajakan tanah	-	15,155,664	-	<u>15,155,664</u>
Bagi tahun berakhir 31 Januari 2007:				
Kumpulan				
Belanja cukai pendapatan	(535,581)	-	(1,633,591)	(2,169,172)
Kerugian tahun semasa	<u>(68,406,189)</u>	-	<u>(1,633,591)</u>	<u>(70,039,780)</u>

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 Piawaian dan Pentafsiran yang Sudah Dikeluarkan tetapi Belum Berkuatkuasa

Pada tarikh kebenaran diberi bagi penyata kewangan ini, FRS, Pindaan kepada FRS dan Tafsirannya yang sudah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa dan belum diguna pakai oleh Syarikat adalah seperti berikut:

FRS, Pindaan kepada FRS dan Tafsirannya		Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Ukuran	Ditunda
Tafsiran IC 1	Perubahan dalam Liabiliti Penyahgunaan, Pemulihan dan Liabiliti Sepertinya Yang Sedia ada	1 Julai 2007
Tafsiran IC 2	Bahagian Ahli dalam Entiti Koperasi dan Instrumen Serupa	1 Julai 2007
Tafsiran IC 5	Hak kepada Faedah yang Timbul daripada Dana Penyahgunaan, Pemulihan dan Pemuliharaan Alam Sekitar	1 Julai 2007
Tafsiran IC 6	Liabiliti Yang Timbul daripada Penyertaan dalam Pasaran Khusus - Bahan Elektrik Buangan dan Peralatan Elektronik	1 Julai 2007
Tafsiran IC 7	Mengamalkan Pendekatan Penyataan Semula di bawah FRS 129 ₂₀₀₄ - Laporan Kewangan Dalam Ekonomi Hiperinflasi	1 Julai 2007
Tafsiran IC 8	Skop FRS 2	1 Julai 2007
Pindaan kepada FRS 107	Penyata Aliran Tunai	1 Julai 2007
Pindaan kepada FRS 111	Kontrak Pembinaan	1 Julai 2007
Pindaan kepada FRS 118	Hasil	1 Julai 2007
Pindaan kepada FRS 120	Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pemindahan Bantuan Kerajaan	1 Julai 2007
Pindaan kepada FRS 121	Kesan Perubahan Kadar Tukaran Asing - Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing	1 Julai 2007
Pindaan kepada FRS 134	Laporan Kewangan Interim	1 Julai 2007
Pindaan kepada FRS 137	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka	1 Julai 2007

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 Piawaian dan Pentafsiran yang Sudah Dikeluarkan tetapi Belum Berkuatkuasa

FRS, Pindaan kepada FRS dan Tafsiran baru dan disemak di atas dijangka tidak mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat apabila mula diguna pakai kecuali bagi FRS 139.

Kumpulan dan Syarikat dikecualikan daripada mendedahkan kemungkinan kesan ke atas penyata kewangan selepas penggunaan awal FRS 139.

2.5 Anggaran dan Pertimbangan Kewangan Penting

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan, perbelanjaan dan pendedahan yang dilaporkan. Kesemuanya dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman dan faktor yang berkaitan, termasuk jangkaan kejadian masa depan yang dipercayai wajar di dalam keadaan semasa. Andaian dan pertimbangan utama berkaitan masa depan yang dibuat dan sumber ketidakpastian anggaran penting lain pada tarikh lembaranimbangan, yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan penting kepada nilai dibawa aset dan liabiliti dalam penyata kewangan dibincangkan di bawah:

(i) Penurunan Nilai Inventori

Penurunan nilai inventori untuk mencerminkan nilai boleh realisasi bersih semasa berasaskan harga jualan anggaran, ditolak kos jualan dan pengedaran dan semua kos anggaran lain untuk menyiapkannya. Semasa mengira nilai boleh realisasi bersih, peruntukan sewajarnya telah dibuat bagi barangan lambat dijual dan barangan usang.

(ii) Susut nilai loji dan peralatan

Kos loji dan mesin disusut nilai atas dasar garis lurus sepanjang hayat guna aset. Pihak pengurusan menganggarkan loji dan mesin mempunyai hayat guna 10 tahun. Ini adalah unjuran biasa yang diguna pakai dalam industri. Perubahan dan tahap penggunaan yang dijangka dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan terhadap hayat guna ekonomi dan nilai baki aset ini, justeru susut nilai masa depan yang dikenakan mungkin disemak semula.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.5 Anggaran dan Pertimbangan Kewangan Penting (Samb.)

(iii) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua kerugian cukai tidak digunakan, elaun modal tidak diserap, pelaburan semula, elaun cukai pelaburan dan perbezaan sementara boleh dipotong setakat terdapat kemungkinan bahawa untung boleh dicukai boleh didapati untuk ditolak dengan kerugian, modal, pelaburan semula, elaun cukai pelaburan dan perbezaan sementara boleh dipotong yang lain. Pengurusan perlu membuat pertimbangan penting untuk menentukan jumlah cukai aset tertunda yang boleh diiktiraf, berasaskan tempoh dan tahap untung boleh dicukai masa depan bersama dengan strategi perancangan cukai masa depan. Jumlah nilai dibawa kerugian cukai yang diiktiraf, modal, pelaburan semula dan elaun cukai pelaburan dan perbezaan sementara boleh dipotong yang lain bagi Kumpulan dan Syarikat masing-masing berjumlah RM12,679,115 (2007: RM22,226,974) dan RM555,450 (2007: RM524,367). Kerugian cukai belum diiktiraf, modal, pelaburan semula, elaun cukai pelaburan dan perbezaan sementara yang lain bagi Kumpulan dan Syarikat masing-masing berjumlah RM79,152,779 (2007: RM75,411,075) dan RM17,206,143 (2007: RM12,969,132).

3. HASIL

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Jualan barangan	145,357,151	166,523,692	-	-
Yuran pengurusan	-	-	4,731,030	5,565,809
Dividen daripada anak-anak syarikat	-	-	8,577,000	-
	<u>145,357,151</u>	<u>166,523,692</u>	<u>13,308,030</u>	<u>5,565,809</u>

4. PENDAPATAN LAIN

Termasuk dalam pendapatan lain ialah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Pendapatan sewa	378,065	423,732	843,780	822,000
Pendapatan faedah daripada:				
Deposit	192,284	361,922	-	518
Pihak berkaitan	-	-	669,754	-
Untung atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	2,481	72,848	-	59,231
Pendapatan daripada jualan bahan buangan	1,345,039	974,198	-	-
Tuntutan insuran	17,624	-	-	-
Kutipan belanja pembangunan daripada pelanggan	740,088	-	-	-
Geran kerajaan diterima (Nota 29)	231,471	-	-	-
Masuk kira semula peruntukan hutang ragu	5,399	-	1,353,620	107,285
Untung tukaran asing				
- Terealisasi	-	352,499	-	-
- Tidak terealisasi	-	48,518	-	-
Untung atas pemulangan modal oleh anak syarikat	-	-	-	3,629,469
	-	-	-	3,629,469

5. KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Perbelanjaan faedah atas:				
Pinjaman bertempoh	1,781,584	3,845,340	733,825	1,401,391
Overdraf	436,375	360,224	88,030	137,412
Kredit pusingan	1,025,499	785,582	470,199	419,829
Sewa beli dan pajakan belum bayar	93,440	109,693	48,274	46,332
Penerimaan jurubank	290,960	713,098	-	-
Surat kredit	67,907	182,773	-	-
Pihak berkaitan	-	-	51,279	146,225
Lain-lain	127,364	160,155	10,338	11,910
	3,823,129	6,156,865	1,401,945	2,163,099

6. UNTUNG/(RUGI) SEBELUM CUKAI

Amaun-amaun berikut telah dimasukkan di dalam keuntungan/(kerugian) sebelum cukai:

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Belanja manfaat kakitangan (Nota 7)	21,441,031	22,589,353	5,029,746	3,111,002
Imbuan pengarah bukan eksekutif (Nota 8)	228,500	220,950	228,500	220,950
Pelunasan belanja pembangunan	2,072,382	2,065,168	-	-
Imbuan juruaudit				
- Audit berkanun	113,000	122,098	27,000	18,000
- Lain-lain Perkhidmatan	5,000	5,000	5,000	5,000
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	9,870,205	15,611,394	410,518	491,325
Pelunasan prabayaran pajakan tanah	249,591	249,588	168,934	168,934
Kerugian tukaran asing				
- Belum direalisasikan	2,729	183,573	-	-
- Direalisasi	57,791	43,566	-	-
Belanja pembangunan dihapus kira	222,383	10,811	-	-
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	68,410	88,869	68,410	-
Inventori diturun nilai	497,267	8,937,320	-	-
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	992,477	1,566,893	-	50,884
Rosot nilai hartanah, loji dan peralatan	-	36,563,297	-	-
Rosot nilai atas prabayaran pajakan (Masuk kira semula)/peruntukan jaminan korporat	-	360,640	-	360,640
Peruntukan hutang ragu			(1,563,845)	9,710,000
- Penghutang perniagaan dan penghutang-penghutang lain	-	309,224	-	-
- Hutang anak syarikat	-	-	3,134,593	5,988,301
- Hutang syarikat-syarikat berkaitan	107,393	5,189,557	-	-
Rosot nilai pelaburan dalam anak syarikat	-	-	-	27,641,250
Belanja sewa				
- premis	591,747	589,477	628,743	591,675
- peralatan	86,260	57,727	-	-

6. UNTUNG/(RUGI) SEBELUM CUKAI (SAMB.)

Termasuk dalam amaun-amaun di atas ialah perkara-perkara berikut yang dikaitkan dengan operasi yang dihentikan:

	Kumpulan	
	2008	2007
	RM	RM
Hasil	(34,000)	(583,140)
Imbuan juruaudit	4,170	12,125
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	12,274
Inventori diturun nilai	-	325,200
Peruntukan hutang ragu	-	33,761
Belanja manfaat kakitangan	2,493	189,125
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	-	121,100
Sewa premis	-	69,000
	<u> </u>	<u> </u>

7. BELANJA MANFAAT KAKITANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Upah dan gaji	16,238,231	16,873,294	3,179,123	1,817,875
Caruman keselamatan sosial	207,755	217,813	21,867	10,346
Caruman kepada pelan caruman ditentukan	1,789,303	1,871,973	385,719	276,064
Peningkatan liabiliti bagi pelan manfaat terkhusus	221,539	215,391	25,568	20,577
Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek	38,261	7,764	19,533	5,219
Manfaat-manfaat lain	2,945,942	3,403,118	1,397,936	980,921
	<u>21,441,031</u>	<u>22,589,353</u>	<u>5,029,746</u>	<u>3,111,002</u>

Termasuk dalam belanja manfaat kakitangan Kumpulan dan Syarikat adalah imbuan pengarah eksekutif yang masing-masing berjumlah RM2,122,928 (2007: RM3,299,492) dan RM694,769 (2007: RM1,011,785) seperti yang dinyatakan selanjutnya dalam Nota 8.

8. IMBUHAN PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Pengarah Syarikat				
Eksekutif:				
Gaji dan emolumen-emolumen lain	950,609	1,004,925	625,529	678,377
Bonus bagi tahun sebelumnya	-	350,000	-	225,000
Caruman kepada pelan caruman ditentukan	108,252	162,528	69,240	108,408
Manfaat barangan	42,925	67,550	42,925	67,550
	<u>1,101,786</u>	<u>1,585,003</u>	<u>737,694</u>	<u>1,079,335</u>
Bukan Eksekutif:				
Yuran	206,000	196,950	206,000	196,950
Emolumen-emolumen lain	22,500	24,000	22,500	24,000
Manfaat barangan	2,400	375	2,400	375
	<u>230,900</u>	<u>221,325</u>	<u>230,900</u>	<u>221,325</u>
	<u>1,332,686</u>	<u>1,806,328</u>	<u>968,594</u>	<u>1,300,660</u>
Pengarah Anak Syarikat				
Eksekutif:				
Gaji dan lain-lain emolumen	933,221	1,398,772	-	-
Bonus bagi tahun sebelumnya	16,639	191,135	-	-
Caruman kepada pelan caruman wajib	114,207	192,132	-	-
Manfaat barangan	52,650	79,768	-	-
	<u>1,116,717</u>	<u>1,861,807</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
	<u>2,449,403</u>	<u>3,668,135</u>	<u>968,594</u>	<u>1,300,660</u>

8. IMBUHAN PENGARAH (SAMB.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Analisis tidak termasuk manfaat barangan:				
Jumlah imbuhan pengarah eksekutif, tidak termasuk manfaat barangan (Nota 7)	2,122,928	3,299,492	694,769	1,011,785
Jumlah imbuhan pengarah bukan eksekutif, tidak termasuk manfaat barangan (Nota 6)	228,500	220,950	228,500	220,950
Jumlah imbuhan pengarah, tidak termasuk manfaat barangan	<u>2,351,428</u>	<u>3,520,442</u>	<u>923,269</u>	<u>1,232,735</u>

Bilangan pengarah-pengarah Syarikat yang jumlah imbuhan mereka dalam tahun kewangan yang terangkum dalam julat berikut dianalisis seperti di bawah:

	Bilangan Pengarah	
	2008	2007
Eksekutif:		
RM350,001 - RM400,000	1	-
RM500,001 - RM550,000	-	1
RM700,001 - RM750,000	1	-
RM1,000,001 - RM1,050,000	-	1
Bukan eksekutif:		
Di bawah RM50,000	<u>7</u>	<u>8</u>

9. BELANJA CUKAI PENDAPATAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Cukai pendapatan Malaysia:				
Tahun semasa	2,069,080	733,546	-	-
Terkurang/(terlebih) peruntukan pada tahun terdahulu	91,331	248,012	(135,610)	-
	<u>2,160,411</u>	<u>981,558</u>	<u>(135,610)</u>	<u>-</u>
Cukai tertunda (Nota 26):				
Berkaitan dengan permulaan dan pembalikan perbezaan sementara	1,874,807	683,018	-	-
Berkaitan dengan perubahan kadar cukai	(24,134)	(793,229)	-	-
Terkurang peruntukan pada tahun terdahulu	(9,146)	1,297,825	-	-
	<u>1,841,527</u>	<u>1,187,614</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
	<u>4,001,938</u>	<u>2,169,172</u>	<u>(135,610)</u>	<u>-</u>

Cukai pendapatan domestik dikira pada kadar cukai berkanun 26% (2007: 27%) bagi anggaran keuntungan boleh cukai yang dilaporkan dalam tahun tersebut. Kadar cukai berkanun domestik akan dikurangkan kepada 25% daripada kadar semasa 26%, berkuatkuasa tahun taksiran 2009. Pengiraan cukai tertunda pada 31 Januari 2008 telah mencerminkan perubahan ini. Anak-anak syarikat tertentu dengan modal saham berbayar kurang daripada RM2.5 juta layak bagi kadar cukai lebih rendah iaitu pada 20% (2007: 20%) bagi anggaran keuntungan yang boleh ditaksir atas RM500,000 (2007: RM500,000) yang pertama dalam tahun tersebut.

9. BELANJA CUKAI PENDAPATAN (SAMB.)

Penyelarasan belanja cukai pendapatan berkaitan dengan untung/(rugi) sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun dengan perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar efektif cukai pendapatan bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	2008	2007
	RM	RM
Kumpulan		
Untung/(rugi) sebelum cukai	<u>9,123,205</u>	<u>(67,870,608)</u>
Cukai pada kadar cukai berkanun 26% (2007: 27%)	2,372,033	(18,325,064)
Kesan perubahan dalam kadar cukai atas baki awal cukai tertunda	(24,134)	(793,229)
Kesan pendapatan tertakluk kepada kadar cukai 20% (2007: 20%)	-	(25,703)
Kesan perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	946,608	4,969,806
Kesan pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(66,820)	(44,961)
Penggunaan elaun pelaburan semula yang timbul daripada tahun semasa	(280,777)	-
Penggunaan aset cukai yang belum diiktiraf sebelum ini	(197,327)	-
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf pada tahun semasa	1,170,170	14,842,486
Terkurang peruntukan bagi cukai pendapatan pada tahun semasa	91,331	248,012
(Terlebih)/terkurang peruntukan cukai tertunda tahun terdahulu	<u>(9,146)</u>	<u>1,297,825</u>
Belanja cukai pendapatan pada tahun dilaporkan	<u>4,001,938</u>	<u>2,169,172</u>
Syarikat		
Untung/(rugi) sebelum cukai	<u>2,150,468</u>	<u>(45,848,397)</u>
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia 26% (2007: 27%)	559,122	(12,379,067)
Kesan belanja tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	975,875	7,803,314
Kesan pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(2,636,620)	(1,024,917)
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf pada tahun semasa	1,101,623	5,600,670
Terlebih peruntukan cukai pendapatan tahun terdahulu	<u>(135,610)</u>	<u>-</u>
Kredit cukai pendapatan pada tahun semasa	<u>(135,610)</u>	<u>-</u>

9. BELANJA CUKAI PENDAPATAN (SAMB.)

Penjimatan cukai tahun kewangan yang timbul daripada:

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Penggunaan kerugian cukai tahun semasa	-	10,281	-	10,281
Penggunaan kerugian cukai belum diiktiraf sebelum ini	219,383	664,700	219,383	197,833
	<u>219,383</u>	<u>664,700</u>	<u>219,383</u>	<u>197,833</u>

10. PENDAPATAN/(KERUGIAN) SESAHAM**(a) Asas:**

Jumlah pendapatan/(kerugian) sesaham dikira dengan membahagikan untung/(rugi) bagi tahun semasa yang diperuntukkan kepada pemegang saham biasa Syarikat oleh purata wajaran bilangan saham biasa yang diterbitkan pada tahun kewangan.

	2008	2007
	RM	RM
Untung/(rugi) diperuntukkan kepada pemegang ekuiti Syarikat	<u>5,136,334</u>	<u>(57,907,722)</u>
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan	<u>72,775,737</u>	<u>72,775,737</u>
Pendapatan /(kerugian) sesaham (sen)	<u>7.06</u>	<u>(79.57)</u>

10. PENDAPATAN/(KERUGIAN) SESAHAM (SAMB.)**(b) Dicairkan:**

Untuk tujuan mengira pendapatan/(kerugian) sesaham dicairkan, untung/(rugi) bagi tahun dilaporkan yang diperuntukkan kepada pemegang ekuiti Syarikat dan purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan pada tahun kewangan telah dilaraskan bagi kesan kecairan semua saham biasa baru yang mungkin wujud, seperti opsyen saham yang diberi kepada kakitangan.

	2008	2007
	RM	RM
Untung/(rugi) diperuntukkan kepada pemegang ekuiti Syarikat	5,136,334	(57,907,722)
Purata wajaran saham biasa dalam terbitan	72,775,737	72,775,737
Kesan kecairan:		
Opsyen saham*	-	-
Purata wajaran bilangan saham biasan dalam terbitan dan boleh diterbitkan yang dilaraskan	72,775,737	72,775,737
Pendapatan/(kerugian) sesaham dicairkan (sen)	7.06	(79.57)

* Kesan kecairan yang timbul daripada unjuran pertukaran opsyen di bawah ESOS Syarikat berbentuk antikecairan.

11. DIVIDEN

	Amaun		Dividen bersih sesaham	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	Sen	Sen
Diiktiraf dalam tahun:				
Dividen bebas cukai akhir				
5% bagi 2006 atas				
72,775,737 saham				
biasa yang diluluskan pada				
28 Mac 2006	-	3,638,787	-	5

12. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Bangunan	Loji, Mesin, Pemasangan Elektrik, Peralatan Kilang dan Alat Aplikasi	Perabot, Kelengkapan, Peralatan, Pengubahsuaian, Komputer dan Kenderaan Bermotor	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Kumpulan				
Pada 31 Januari 2008				
Kos				
Pada 1 Februari 2007	22,367,384	184,596,422	10,898,159	217,861,965
Penambahan	43,637	655,328	293,530	992,495
Pelupusan	-	(7,372)	(646,109)	(653,481)
Hapus kira	-	(7,111,364)	(3,550)	(7,114,914)
Pemindahan daripada belanja pembangunan	-	605,198	-	605,198
Pemindahan daripada prabayaran pajakan	726,635	-	-	726,635
Pada 31 Januari 2008	<u>23,137,656</u>	<u>178,738,212</u>	<u>10,542,030</u>	<u>212,417,898</u>
Susut nilai dan rosot nilai terkumpul				
Pada 1 Februari 2007	5,933,622	132,602,143	6,432,365	144,968,130
Caj susut nilai bagi tahun dilaporkan	434,755	8,304,659	1,130,791	9,870,205
Pelupusan	-	(983)	(207,396)	(208,379)
Hapus kira	-	(6,119,964)	(2,473)	(6,122,437)
Pada 31 Januari 2008	<u>6,368,377</u>	<u>134,785,855</u>	<u>7,353,287</u>	<u>148,507,519</u>
Dianalisis sebagai:				
Susut nilai terkumpul	4,935,244	99,831,707	7,177,271	111,944,222
Kerugian rosot nilai terkumpul	1,433,133	34,954,148	176,016	36,563,297
	<u>6,368,377</u>	<u>134,785,855</u>	<u>7,353,287</u>	<u>148,507,519</u>
Amaun dibawa bersih	<u>16,769,279</u>	<u>43,952,357</u>	<u>3,188,743</u>	<u>63,910,379</u>

12. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	Bangunan	Loji, Mesin, Pemasangan Elektrik, Peralatan Kilang dan Alat Aplikasi	Perabot, Kelengkapan, Peralatan, Pengubahsuaian, Komputer dan Kenderaan Bermotor	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Kumpulan (Samb.)				
Pada 31 Januari 2007				
Kos				
Pada 1 Februari 2006	22,367,384	185,029,537	11,403,294	218,800,215
Penambahan	-	1,337,357	1,039,276	2,376,633
Pelupusan	-	(97,182)	(672,204)	(769,386)
Hapus kira	-	(1,673,290)	(872,207)	(2,545,497)
Pada 31 Januari 2007	<u>22,367,384</u>	<u>184,596,422</u>	<u>10,898,159</u>	<u>217,861,965</u>
Susut nilai dan rosot nilai terkumpul				
Pada 1 Februari 2006	4,045,324	84,335,480	5,806,182	94,186,986
Caj susut nilai bagi tahun dilaporkan	455,165	13,754,454	1,401,775	15,611,394
Pelupusan	-	(9,585)	(405,358)	(414,943)
Hapus kira	-	(432,354)	(546,250)	(978,604)
Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan	1,433,133	34,954,148	176,016	36,563,297
Pada 31 Januari 2007	<u>5,933,622</u>	<u>132,602,143</u>	<u>6,432,365</u>	<u>144,968,130</u>
Dianalisis sebagai:				
Susut nilai terkumpul	4,500,489	97,647,995	6,256,349	108,404,833
Kerugian rosot nilai terkumpul	1,433,133	34,954,148	176,016	36,563,297
	<u>5,933,622</u>	<u>132,602,143</u>	<u>6,432,365</u>	<u>144,968,130</u>
Amaun dibawa bersih	<u>16,433,762</u>	<u>51,994,279</u>	<u>4,465,794</u>	<u>72,893,835</u>

12. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	Bangunan RM	Loji, Mesin, dan Peralatan Kilang RM	Perabot, Kelengkapan, Peralatan, Loji, Pengubahsuaian, Komputer dan Kenderaan Bermotor RM	Jumlah RM
Syarikat				
Pada 31 Januari 2008				
Kos				
Pada 1 Februari 2007	2,265,637	73,532	3,021,038	5,360,207
Penambahan	-	-	197,540	197,540
Pelupusan	-	-	(641,575)	(641,575)
Pada 31 Januari 2008	<u>2,265,637</u>	<u>73,532</u>	<u>2,577,003</u>	<u>4,916,172</u>
Susut nilai terkumpul				
Pada 1 Februari 2007	508,674	14,150	1,630,971	2,153,795
Caj bagi tahun dilaporkan	45,313	10,499	354,706	410,518
Pelupusan	-	-	(203,165)	(203,165)
Pada 31 Januari 2008	<u>553,987</u>	<u>24,649</u>	<u>1,782,512</u>	<u>2,361,148</u>
Jumlah dibawa bersih	<u>1,711,650</u>	<u>48,883</u>	<u>794,491</u>	<u>2,555,024</u>
Pada 31 Januari 2007				
Kos				
Pada 1 Februari 2006	2,265,637	74,051	2,967,106	5,306,794
Penambahan	-	-	521,759	521,759
Pelupusan	-	-	(350,939)	(350,939)
Hapus kira	-	(519)	(116,888)	(117,407)
Pada 31 Januari 2007	<u>2,265,637</u>	<u>73,532</u>	<u>3,021,038</u>	<u>5,360,207</u>
Susut nilai terkumpul				
Pada 1 Februari 2006	463,361	3,941	1,438,237	1,905,539
Caj bagi tahun dilaporkan	45,313	10,728	435,284	491,325
Pelupusan	-	-	(176,546)	(176,546)
Hapus kira	-	(519)	(66,004)	(66,523)
Pada 31 Januari 2007	<u>508,674</u>	<u>14,150</u>	<u>1,630,971</u>	<u>2,153,795</u>
Jumlah nilai dibawa	<u>1,756,963</u>	<u>59,382</u>	<u>1,390,067</u>	<u>3,206,412</u>

12. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

- (a) Pada tahun kewangan, Kumpulan dan Syarikat telah memperolehi hartanah, loji dan peralatan pada kos agregat RM992,495 (2007: RM2,376,633) dan RM197,540 (2007: RM521,759) masing-masing. Pada tahun kewangan lepas, hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan Syarikat telah diperolehi menerusi perjanjian sewa beli dan pajakan kewangan pada kos agregat RM596,134 dan RM410,634 masing-masing.

Nilai dibawa bersih hartanah, loji dan peralatan yang dipegang di bawah perjanjian sewa beli dan pajakan kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Peralatan kilang dan mesin	-	410,540	-	-
Peralatan pejabat dan komputer	593,016	442,015	436,451	395,656
Kenderaan motor	446,416	1,144,718	50,430	533,284
	<u>1,039,432</u>	<u>1,997,273</u>	<u>486,881</u>	<u>928,940</u>

Butiran terma dan syarat perjanjian sewa beli dan pajakan didedahkan dalam Nota 25.

- (b) Nilai dibawa bersih bagi hartanah, loji dan peralatan yang dicagarkan sebagai sekuriti bagi pinjaman (Nota 24) adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Bangunan	8,190,086	2,579,442	1,711,651	-
Loji dan mesin	6,045,756	27,816,448	-	-
	<u>14,235,842</u>	<u>30,395,890</u>	<u>1,711,651</u>	<u>-</u>

12. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

(c) Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan Syarikat adalah kos aset disusut nilai sepenuhnya berikut yang masih digunakan:

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Loji, mesin, pemasangan elektrik, peralatan kilang dan alatan aplikasi	59,725,622	53,626,163	-	-
